



DARI kiri Zaidatul, S Komalam, Nurul Faizah dan Siti Fatimah catat 45.18 pada Kejohanan Olahraga Asia di Bhubaneswar.

KUARTET WANITA TERUS KONSISTEN

■ Cipta rekod baru kebangsaan kali kedua dalam tempoh sebulan



Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kilauan emas pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur (KL2017) tampak mampu direalisasikan kuartet 4x100 meter wanita negara apabila sekali lagi berjaya memperbaharui rekod kebangsaan dengan catatan 45.18 saat pada Kejohanan Olahraga Asia di Bhubaneswar, India kelmarin.

Kuartet Nurul Faizah Asma Mazlan, Siti Fatimah Mohamad, S Komalam Shally dan Zaidatul Husniah Zulkifli dilihat begitu ber-sungguh-sungguh untuk mencipta sejarah di Kuala Lumpur apabila memperbaharui rekod itu selepas baru saja mencatat rekod kebangsaan 45.19s pada Terbuka Thailand, bulan lalu.

Nurul Faizah adalah pelari pertama menggantikan Shereen Samson Vellabouy yang tidak dapat menyertai

kejohanan di India kerana mengalami kecederaan.

Bagi ketua jurulatih olahraga negara Zainal Abas, kejayaan memperbaharui rekod kebangsaan sebanyak dua kali dalam tempoh sebulan menunjukkan ada sesuatu yang mampu dibuktikan oleh kuartet itu pada KL2017.

“Syabas kepada mereka biarpun berlari dengan pelari pertama yang berbeza namun tetap berupaya membuktikan dapat berlari dengan pantas lagi.

“Tapi perhatian wajar diberikan kepada Thailand yang menamatkan larian dengan catatan masa di ba-

“

Syabas kepada mereka biarpun berlari dengan pelari pertama yang berbeza namun tetap berupaya membuktikan dapat berlari dengan pantas lagi”

Zainal Abas

wah 45s sewaktu kejohanan di India,” kata Zainal.

Catatan terbaru itu bagaimanapun sekadar menyaksikan kuartet 4x100m negara itu menamatkan saingan di tempat kelima, tewas kepada Thailand yang meraih tempat keempat dengan perbezaan masa 0.44s.

Pingat emas menjadi milik Kazakhstan (43.53s), China meraih

perak (44.50s) sementara India selaku tuan rumah ganda (44.57s).

Sementara itu, gandingan Nixon Kennedy, Jonathan Nyepa, Badrul Hisyam Manap dan Khairul Hafiz Jantan yang beraksi dalam 4x100m lelaki juga sekadar menamatkan saingan di kedudukan kelima dengan catatan 39.98s.

Catatan itu sekali gus gagal memperbaharui rekod kebangsaan 39.67s yang dilakukan pada Sukan SEA 2015 di Singapura.

